

THE Impact Rankings 2022: UNIMAS di Kedudukan 401-600 Dunia



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIIJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : Pencapaian universiti global ke arah menangani cabaran terbesar dunia didedahkan dalam edisi terbaharu THE *University Impact Rankings 2022*, yang dikeluarkan pada 28 April 2022 yang lalu. Terkini, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kini berada di kedudukan 401-600 dunia secara keseluruhannya.

Persaingan sengit 1,524 buah universiti dari 110 buah negara di seluruh dunia yang layak dinilai pada edisi keempat THE *Impact Rankings 2022* ini merupakan yang terbesar setakat ini merangkumi 18 jadual penilaian - satu untuk setiap 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dan satu lagi bagi kedudukan keseluruhan.

Dalam kenyataan yang diemel oleh pihak THE *World University Rankings* menyatakan, metrik baharu yang diperkenalkan tahun ini juga mendedahkan bahawa ratusan universiti menawarkan program ijazah penuh atau kursus elektif yang memberi tumpuan khusus kepada kemampuan (sustainability) dan SDG.

Kedudukan *Impact Rankings* sememangnya dinamik, berkembang pesat setiap tahun apabila lebih banyak universiti berusaha untuk menunjukkan komitmen mereka dalam penyampaian SDG dengan memperkenalkan dasar baharu yang jelas contohnya, atau menyediakan bukti yang lebih jelas dan terbuka yang memaparkan kemajuan mereka.

Analisa keputusan mendapati kedudukan keseluruhan UNIMAS adalah menurun pada tahun ini iaitu dari 301+ tahun lalu ke 401-600 tahun ini. SDG 5 *Gender Equality* mencatat markah tertinggi iaitu 71.1. Walaubagaimanapun, *ranking* tersebut turut jatuh ke kedudukan =38 tahun ini berbanding =28 pada tahun lalu.

UNIMAS menyertai kesemua 17 SDG dan data yang dihantar adalah melibatkan aktiviti/projek yang berlaku pada tahun 2020. Tempoh pengumpulan data adalah bermula 20 September 2021 sehingga 12 November 2021. Di kalangan Universiti Awam (UA) pula, UNIMAS berada di kedudukan ke-11 di Malaysia.

THE Impact Rankings Masterclass Series - Asia

Kota Samarahan : Pihak THE World University Rankings (WUR) London telah menganjurkan THE Impact Rankings Masterclass Series - Asia pada 5 Mei 2022 yang lalu.

Masterclass ini merupakan siri bengkel tahunan yang saban tahun dianjurkan oleh pihak THE bagi membolehkan pihak universiti memahami dengan lebih mendalam berkaitan penarafan University Impact Rankings.

Taklimat masterclass ini telah dikendalikan oleh Mr Duncan Ross, Chief Data Officer, THE London.





Semasa sesi itu, En Duncan telah membentangkan data daripada SDG Impact Dashboard, platform yang menyokong kerja kemanusiaan universiti dengan menyediakan data yang kaya tentang prestasi dan cerapan yang jelas tentang amalan terbaik dari seluruh dunia.

Majlis Berbuka Puasa SQRC

Kota Samarahan : Sempena Ramadhan Al-Mubarak Tahun 1443H bersamaan Tahun 2022M, satu majlis berbuka puasa atau sungkei telah diadakan pada 21 April 2022 yang lalu di sebuah restoran di Kota Samarahan.

Majlis secara sederhana atas inisiatif staf SQRC ini diadakan untuk mengeratkan lagi silaturrahim serta mensyukuri nikmat selain menginsafi bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Semoga Ramadhan kali ini membawa erti dan keberkatan buat semua.






Sungkei SQRC 2022

Scores year to year

Score boundaries have moved

A university that scored at the bottom of the 201-300 band in 2021 could be in the 401-600 band in 2022 with the same score

Driven by more participants AND better actions



Antara intipati pembentangan semasa taklimat masterclass

Credit to Photographer matazlandy unimas.my



Riang Ria Raya 2022

SORC



Kalendar Aktiviti



April 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat Pegawai Risiko UA	Bil.02/2022	7/4/2022
2	Sesi Audit Dalaman SETARA 2022	PTj	12-14/04/2022
3	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB)	Suku Pertama Tahun 2022	14/04/2022
4	Penghantaran Masterlist SETARA 2022	Pusat Sitasi & Infometrik, JPT	30/04/2022
5	Employer Satisfaction Index (ESI)	Materlist E - SETARA 2022	30/04/2022

Mei 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	THE Impact Rankings 2022 Masterclass Asia	THE	5/5/2022
2	Mesyuarat Perancangan THE Impact Rankings	PTj (Pemegang Taruh)	17/05/2022
3	Bengkel Audit Dalam ISMS ISO/IEC 27001:2013	SIRIM STS Sdn Bhd	19-20/05/2022
4	Laporan Berkala Pengurusan Risiko	PTj - deadline	30/05/2022